

**Tingkatkan pengetahuan pelaburan anda dalam hanya satu minit #OneMinInsight**

## Anak syarikat TDM dapat pengiktirafan ISCC

April 5, 2021 @ 8:03pm



Bangunan ibu pejabat TDM Bhd

KUALA LUMPUR: TDM Plantation Sdn Bhd menerima Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa (ISCC) berkuat kuasa 17 Mac 2021 hingga 16 Mac 2022, sekali gus menjadikan ia syarikat perladangan pertama di Terengganu menerima pensijilan itu.

ISCC, yang diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah, diberikan kepada bahagian perladangan TDM Bhd itu, susulan penilaian teknikal bebas terhadap rantaian bekalan, operasi dan gas rumah hijau (GHG) di unit operasi zon selatan syarikat itu.

Unit operasi zon selatan itu meliputi Ladang Air Putih, Ladang Gajah Mati, Ladang Jernih, Ladang Pelantoh, Ladang Tebak dan Kilang Kelapa Sawit Kemaman, menurut TDM dalam kenyataan pada Isnin.

Keputusan pensijilan berdaftar ISCC menunjukkan pendekatan kelestarian TDM Plantation mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam Arahan Tenaga Boleh Baharu.

### DISYORKAN UNTUK ANDA

"Pensijilan yang diberikan kepada TDM Plantation bermaksud para pemegang saham dapat mengharapkan langkah perniagaan syarikat yang lebih strategik untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang konsisten seiring dengan usaha mempromosikan tanggungjawab sosial dan pemeliharaan alam sekitar dalam tadbir urus korporat," jelasnya.

ISCC adalah sistem pensijilan kelestarian global merangkumi kemampuan semua bahan bakar, termasuk biojisim pertanian dan perhutanan, bahan berteraskan pusingan dan bio serta boleh diperbaharu.

Pada 2013, TDM menjadi ladang pertama di Terengganu dan antara sebilangan kecil syarikat elit di Malaysia yang memperoleh 100 peratus pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO).

Di samping itu, syarikat terus mengorak langkah dengan memastikan semua ladang dan kilangnya di Terengganu menerima Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

Hasil daripada langkah itu, TDM menjadi syarikat berkaitan kerajaan di Malaysia yang pertama memperoleh 100 peratus pensijilan MSPO.

-BERNAMA

**8th YEAR Anniversary**  
**Ganjaran X2**  
**RM200,000**  
 Bander Henti - Hadiah Testimoni 4 HARI SAHABAT  
**6-9 JAN 2022** STADIUM BUKIT JALIL CARPARK B

TERKINI	PILIHAN PEMBACA
4m	2,690 kes COVID-19 hari ini
12m	Supermax perkenal dasar pekerja asing baharu
17m	Mangsa banjir di Sabah akan dibantu segera
22m	8,330 Komuniti KRT digerakkan bantu mangsa banjir
27m	Populariti penyanyi, lagu tak pengaruhi markah
31m	Senheng catat untung RM34.1 juta
45m	ATM hantar 196 anggota, 31 aset ke Johor bantu mangsa banjir
60m	Penduduk waspada air pasang besar